# POLA KOMUNIKASI DAN KUALITI PERKAHWINAN DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

CHE HASNIZA CHE NOH

MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
2000

PDF processed with CutePDF evaluation edition www.CutePDF.com

CN: 2639

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU

tesis
HQ 674.6 .C4 2000

1000405152
Pola komunikasi dan kualiti perkahwinan di kalangan kakitangan kerajaan negeri Terengganu / Che Hasniza Che Noh.

339

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HQ
674.6
C4
2000

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

TESIS

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU

# POLA KOMUNIKASI DAN KUALITI PERKAHWINAN DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Oleh

CHE HASNIZA CHE NOH

Tesis yang dikemukakan bagi memenuhi Syarat
untuk Ijazah Master Sains di
Fakulti Sains Dan Sastera Ikhtisas
Universiti Putra Malaysia Terengganu

April, 2000

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**POLA KOMUNIKASI DAN KUALITI PERKAHWINAN DI KALANGAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Oleh

**CHE HASNIZA CHE NOH**

**April, 2000**

**Pengerusi : Professor Sulaiman Mohd. Yassin, Ph.D.**

**Fakulti : Sains dan Sastera Ikhtisas**


Komunikasi telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor terpenting di dalam perkahwinan. Namun demikian, kajian mengenainya masih belum dijalankan secara lebih mendalam lagi di Malaysia. Di Terengganu khususnya, masalah salah faham iaitu yang berkait dengan komunikasi telah dikenalpasti sebagai faktor penyumbang utama kepada wujudnya masalah di dalam perkahwinan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor berkait dengan komunikasi perkahwinan serta peranannya ke arah peningkatan kualiti perkahwinan.

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan perkaitan di antara beberapa angkubah bebas terpilih di dalam komunikasi dan kualiti perkahwinan. Selain dari itu juga ia bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan komunikasi berdasarkan gender dan tahap kualiti perkahwinan.

Kajian ini telah dijalankan ke atas 280 orang responden yang dipilih secara rawak dari dua belas buah organisasi kerajaan negeri Terengganu. Data diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur yang dijawab sendiri oleh responden. Statistik deskriptif dan inferensi seperti kekerapan dan peratus, korelasi pearson, ujian-t dan analisis varians satu hala (ANOVA) digunakan untuk menganalisis data.

Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi mempengaruhi kualiti perkahwinan. Tiga aspek yang berkaitan iaitu kemahiran komunikasi, tingkahlaku komunikasi dan motivasi komunikasi didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dan positif dengan kualiti perkahwinan. Kajian mendapati tingkahlaku komunikasi (r = .66) mempunyai perkaitan yang tinggi dengan kualiti perkahwinan berbanding kemahiran (r=.51) dan motivasi komunikasi (r = .50).

Kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan wanita dari aspek komunikasi. Selain dari itu kajian ini mendapati terdapat perbezaan komunikasi bagi setiap tahap kualiti perkahwinan. Semakin tinggi tahap komunikasi maka semakin tinggi tahap kualiti perkahwinan responden. Dapatan ini menunjukkan komunikasi mempengaruhi dan memainkan peranan yang utama ke arah meningkatkan kualiti perkahwinan.